

Diskaun feri RORO disambung 6 bulan

Lanjutan tempoh sehingga 31 Disember kurangkan beban kos pengguna

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) menyambung pemberian diskoun sebanyak 50 peratus kepada pengguna feri RORO bagi tempoh enam bulan lagi bermula 1 Julai sehingga 31 Disember depan.

Pengerusinya, Datuk Tan Teik Cheng, berkata inisiatif itu diharap dapat terus membantu mengurangkan beban kos perjalanan orang ramai, khususnya yang berulang-alik menggunakan perkhidmatan itu bagi pe-

numpang motosikal, basikal dan beca.

Katanya, selaras aspirasi Keluarga Malaysia semua lapisan masyarakat tanpa mengira sama ada warganegara Malaysia atau tidak akan dapat menikmati pemberian diskoun itu.

“Menerusi pemberian diskoun 50 peratus ini, semua penunggang motosikal hanya perlu membayar RM1, manakala basikal pula 70 sen sahaja.

“Inisiatif ini dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih 100,000 pengguna motosikal dan basikal yang menggunakan perkhidmatan feri ini dalam tempoh enam bulan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Tan Teik Cheng berkata, sehingga 31 Mei lalu sejumlah 62,564 motosikal dan 1,393 basikal sudah menikmati manfaat daripada pemberian diskoun itu membabitkan perbelanjaan RM65,539.

“ Inisiatif ini dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih 100,000 pengguna motosikal dan basikal yang menggunakan perkhidmatan feri ini dalam tempoh enam bulan ”

Tan Teik Cheng,
Pengerusi Suruhanjaya
Pelabuhan Pulau Pinang

